



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

LAWATAN RASMI YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR, MENTERI LUAR NEGERI KE REPUBLIK ISLAM IRAN, 20-23 OGOS 2023

YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Luar Negeri akan mengadakan Lawatan Rasmi ke Republik Islam Iran dari 20-23 Ogos 2023 di atas jemputan rakan sejawatannya, Tuan Yang Terutama Hossein Amirabdollahian, Menteri Luar Negeri Republik Islam Iran. Ini merupakan lawatan pertama beliau ke Republik Islam Iran selepas menjawat jawatan sebagai Menteri Luar Negeri pada 2 Disember 2022. YB Menteri Luar Negeri akan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dari Kementerian Luar Negeri dan delegasi perniagaan.

Lawatan tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim ke arah meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan semua negara, termasuk Republik Islam Iran.

Semasa lawatan ini, YB Menteri Luar Negeri dijangka mengadakan kunjungan hormat ke atas pemimpin-pemimpin Iran. Beliau juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya, Tuan Yang Terutama Hossein Amirabdollahian bagi menyusul perbincangan yang telah diadakan di sela-sela Mesyuarat Biro Penyelarasan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Peringkat Menteri Luar Negeri pada 5 Julai 2023. Kedua-dua Menteri dijangka menilai kemajuan kerjasama dua hala sedia ada dan membincangkan langkah bagi meneroka bidang kerjasama baharu. Kedua-dua Menteri Luar Negeri juga dijangka akan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama. YB Menteri Luar Negeri juga dijadual menganjurkan sesi libat urus dengan pemimpin-pemimpin perniagaan tempatan.

Republik Islam Iran ialah rakan dagangan kelapan terbesar Malaysia dan sumber import ke-11 terbesar di kalangan negara-negara Asia Barat. Jumlah dagangan pada 2022 ialah RM3.69 bilion (USD0.83 bilion), meningkat 40.2 peratus, berbanding RM2.63 bilion (USD0.64 bilion) pada 2021.

PUTRAJAYA
20 Ogos 2023



WISMA PUTRA